27 Oktober 2026
27 October 2026
P.U. (A) 371

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN CUKAI PERKHIDMATAN (PERKHIDMATAN DIGITAL) (PINDAAN) 2026

SERVICE TAX (DIGITAL SERVICES) (AMENDMENT) REGULATIONS 2026

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 2018

PERATURAN-PERATURAN CUKAI PERKHIDMATAN
(PERKHIDMATAN DIGITAL) (PINDAAN) 2026

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 91(2)*(m)* Akta Cukai Perkhidmatan 2018 [*Akta 807*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan (Perkhidmatan Digital) (Pindaan) 2026**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 28 Oktober 2026.

Penggantian peraturan 16

2. Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan (Perkhidmatan Digital) 2019 [*P.U. (A) 269/2019*] dipinda dengan menggantikan peraturan 16 dengan peraturan yang berikut:

"**Waktu bagi pengemukaan penyata dan pembayaran**

16. (1) Mana-mana penyata dan pembayaran cukai perkhidmatan atau penalti yang kena dibayar melalui perkhidmatan elektronik boleh diterima pada bila-bila masa kecuali apabila perkhidmatan elektronik itu sedang disenggara.

(2) Bagi maksud menentukan masa penerimaan penyata dan pembayaran cukai perkhidmatan atau penalti yang kena dibayar di bawah subperaturan (1), masa standard Malaysia (UTC/GMT + 8 jam) hendaklah terpakai.

(3) Jika hari terakhir penerimaan penyata dan pembayaran cukai perkhidmatan atau penalti yang kena dibayar di bawah subseksyen 56H(4), 56H(4A) atau 56I(1) Akta jatuh pada—

(a) hari kelepasan mingguan Persekutuan di Malaysia;

(b) hari kelepasan am Persekutuan di Malaysia;

(c) hari kelepasan mingguan di negara yang orang berdaftar asing itu ditubuhkan; atau

(d) hari kelepasan am di negara yang orang berdaftar asing itu ditubuhkan,

hari terakhir untuk menerima penyata dan pembayaran cukai perkhidmatan atau penalti yang kena dibayar itu adalah pada hari sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan *(a)*, *(b)*, *(c)* atau *(d)*.".

Dibuat 22 Oktober 2026
[MOF.700-1/2/27 JLD.6 (S); KE.HF(152)899/03 JLD.4(15); PN(PU2)752/JLD.7]

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN
Menteri Kewangan II

SERVICE TAX ACT 2018

SERVICE TAX (DIGITAL SERVICES) (AMENDMENT) REGULATIONS 2026

IN exercise of the powers conferred by paragraph 91(2)*(m)* of the Service Tax Act 2018 [*Act 807*], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Service Tax (Digital Services) (Amendment) Regulations 2026**.

(2) These Regulations come into operation on 28 October 2026.

Substitution of regulation 16

2. The Service Tax (Digital Services) Regulations 2019 [*P.U. (A) 269/2019*] are amended by substituting for regulation 16 the following regulation:

"**Hours for submission of return and payment**

16. (1) Any return and payment of service tax or penalty payable through electronic services may be received at any time except when the electronic services are under maintenance.

(2) For the purpose of determining the time of receipt of the return and payment of service tax or penalty payable under subregulation (1), the Malaysian standard time (UTC/GMT + 8 hours) shall apply.

(3) Where the last date of receiving the return and payment of service tax or penalty payable under subsection 56H(4), 56H(4A) atau 56I(1) of the Act falls on—

(a) a Federal weekly holiday in Malaysia;

(b) a Federal public holiday in Malaysia;

(c) a weekly holiday in the country where the foreign registered person is established; or

(d) a public holiday in the country where the foreign registered person is established,

the last day to receive such return and payment of service tax or penalty payable is on the day as specified in paragraph *(a)*, *(b)*, *(c)* or *(d)*.".

Made 22 October 2026
[MOF.700-1/2/27 JLD.6 (S); KE.HF(152)899/03 JLD.4(15); PN(PU2)752/JLD.7]

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN
Minister of Finance II